

SEGERA



KENYATAAN MEDIA

INSIDEN PERANCAH BESI (SCAFFOLD) JATUH DI PEMBINAAN LEBUHRAYA BERTINGKAT DAMANSARA – SHAH ALAM (DASH)

Kajang, 21 Jun 2021 - Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan memastikan kerja-kerja pembinaan tidak diteruskan sepertimana yang diarahkan kepada Syarikat Konsesi Projek Lintasan Damansara Shah Alam Sdn. Bhd. (PLDSASB). Kerja – kerja yang melibatkan perancah (*scaffold*) bagi struktur sementara (*falsework*) melibatkan baki sepuluh (10) lokasi termasuk lokasi kemalangan hanya akan diteruskan sehingga Kerajaan berpuas hati dengan langkah – langkah keselamatan yang telah diambil.

Dalam masa yang sama, perbincangan dan lawatan tapak bersama-sama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Syarikat PLDSASB, Jurutera Perunding (Zaidun Leeng Sdn. Bhd (ZLSB)), Jurutera Perunding Bebas (Ranhill Bersekutu Sdn. Bhd. (RBSB)) dan Kontraktor Utama (Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)) telah diadakan pada 19, 20 dan 21 Jun 2021.

LLM juga telah mengarahkan Syarikat PLDSASB, ZLSB dan RBSB untuk melaksanakan penilaian dan pemeriksaan lanjut berhubung dengan kejadian tersebut. Antara lain termasuk pematuhan ke atas rekabentuk perancah yang digunapakai merangkumi faktor keselamatan (*safety factor*), tatacara kerja (*method statement*), keperluan prosedur dan dokumentasi yang dilaksanakan, pengawasan di tapak dan lain-lain aspek kemungkinan insiden merangkumi jentera, bahan binaan, keadaan tapak, struktur sedia ada dan faktor persekitaran.

Selain itu, sebagai langkah penambahbaikan supaya risiko kemalangan dapat dielakkan, LLM telah berbincang dengan Syarikat Konsesi dan Juruperunding termasuk Lembaga Jurutera Malaysia, JKKP dan Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) bagi mengkaji penambahbaikan melibatkan kerja-kerja pembinaan lebuhraya baharu.

LLM juga merakamkan penghargaan kepada PLDSASB kerana telah membantu mengurangkan kesulitan terhadap keluarga mangsa yang terlibat termasuk akan menguruskan penghantaran balik jenazah dan sumbangan kepada keluarga mangsa yang meninggal.

- Tamat –

Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia
21 Jun 2021